

Headline **Kembang perniagaan orang Islam melalui masjid**  
Date **09 Aug 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S13**  
Article Size **296 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,628**  
PRValue **4,884**



# Kembang perniagaan orang Islam melalui masjid

**KEPONG ULU** – Selaras menyahut saranan memperbagaikan fungsi masjid, pihak Masjid Jamek, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dekat sini menjalankan aktiviti perniagaan sebagai salah satu cabang ke arah merealisasikannya.

Penolong setiausaha masjidnya, Bahrin Abdullah berkata, sejak setahun lalu Masjid Jamek FRIM telah mengadakan kerjasama dengan syarikat berkaitan dalam mengeluarkan minuman cincau dan soya.

Katanya, secara tidak langsung aktiviti perniagaan dijalankan dalam kawasan masjid bukan sahaja boleh menjana pendapatan kalangan umat Islam, malah menambah kewangan bagi aktiviti dan program di masjid.

"Masjid bukan sekadar tempat ibadat, tetapi kita mahu jadikan masjid ini sebagai pusat ekonomi umat Islam. Alhamdulillah, nampaknya pasaran perniagaan ini juga berkembang dengan baik.

"Sambutan orang ramai terutamanya kakitangan FRIM dan penduduk di sekitar kawasan ini amat menggalakkan," katanya ketika ditemui dalam program 'Mesra Masjid' anjuran Masjid Jamek FRIM, dekat sini.

Difahamkan, lima hingga 10 peratus daripada keuntungan jualan produk yang diusahakan di dewan makan masjid berkenaan serta perniagaan dibuka setiap hari itu akan disumbangkan kepada masjid.

Sementara itu, Pengarah Urusan SARF Food Industries, Mohd Fadzil Abdullah berkata, pihaknya sehingga kini mengeluarkan antara

700 hingga 1,000 botol cincau dan soya sehari.

"Istimewanya air cincau di sini ia dibuat secara tradisional, menjadikannya lembut dan tanpa bahan pengawet berbanding menggunakan mesin, serta khasiatnya terutama sebagai anti oksiden telah diselidik sendiri pihak FRIM.

"Perniagaan di masjid ini juga ibarat satu dakwah. Misalnya jika pembeli datang sendiri membeli di sini, mereka akan terpanggil untuk singgah beribadah di masjid lebih-lebih lagi apabila sudah masuk waktu solat," katanya.

Fadzil berkata, selepas ini pihaknya berhasrat membuat perniagaan mi atau kuew tiaw dengan tunjuk ajar tenaga pengajar sedia ada yang juga kakitangan FRIM, Mahmood Abd Samad.

Difahamkan usaha ini turut mendapat sokongan Ketua Pengarah FRIM yang juga Nazir Masjid Jamek FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod.



■ Samsul (tengah) bersama beberapa pekerja membuat air cincau dan soya sempat melayan pelanggan yang datang membeli.

Headline	<b>Kembang perniagaan orang Islam melalui masjid</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>09 Aug 2010</b>	Page No	<b>S13</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>	Article Size	<b>296 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Selangor &amp; KL</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>1,628</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>4,884</b>
Circ / Read	<b>60,000 /</b>		

